

TEKS UCAPAN

**Majlis Penyampaian Sijil dan Resolusi Muzakarah Pengkursus
Ibadat Haji Dan Umrah
Tahun 1445H/2024M Kali Ke-31**

**Yang Mulia
Haji Mohammad Rosli Bin Haji Ibrahim
Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**Selaku Tetamu Kehormat
Majlis Penyampaian Sijil dan Resolusi Muzakarah Pengkursus
Ibadat Haji Dan Umrah Tahun 1445H/2024M Kali Ke-31**

**Anjuran
Jabatan Urusan Haji
Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**Pada Hari Rabu 05 Rejab, 1445H
Bersamaan 17 Januari, 2024M**

**Tempat
Dewan Multaqa
Kementerian Hal Ehwal Ugama**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا
محمد وعلى آلها وصحبه أجمعين

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Mulia,
Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad.
Pengarah Urusan Haji,
selaku Penggerusi Majlis Penyampaian Sijil dan Resolusi Muzakarah
Pengkursus Ibadat Haji Dan Umrah Tahun 1445H/2024M kali ke-31.

Yang Mulia,
Dr. Haji Awang Adnan bin Haji Besar.
Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB).

Yang Mulia,
Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohammad Salleh.
Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, (Dasar dan Keugamaan)
Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Mulia,
Awang Misle bin Haji Abd. Karim.
Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, (Pentadbiran dan Kewangan)
Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Mulia,
Dayang Dr. Hajah Lily Suzana binti Haji Shamsu.
Ketua Penolong Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Islam Sultan
Sharif Ali (UNISSA),

Selaku Pembentang Kertas Kerja Perdana.

Yang Mulia,

Pengarah-Pengarah, Penolong-Penolong Pengarah dan Pegawai-Pegawai
Kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama,

Yang Mulia,

Pembentang-Pembentang Kertas Kerja Pegawai-Pegawai dari Jabatan Mufti
Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri.

Peserta-Peserta muzakarah Pengkursus Ibadat Haji dan Umrah.

serta hadirin hadirat yang di rahmati Allah sekalian.

Alhamdulillah,

Kita panjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah dan kurniaNya juga kita telah dapat di pertemukan dalam Majlis Penyampaian Sijil dan Resolusi Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji Dan Umrah Tahun 1445H/2024H Kali Ke-31 pada petang ini.

- Terlebih dahulu Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pengurus Majlis kerana telah sudi menjemput Saya hadir selaku Tetamu Kehormat pada petang ini dan seterusnya akan menyampaikan sijil kepada peserta-peserta Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji Dan Umrah Tahun 1445H/ 2023M Kali Ke 31 yang telah diadakan pada sebelah pagi tadi.
- Tahniah dan syabas Saya ucapkan kepada Jabatan Urusan Haji kerana telah dapat mengungkayahkan Majlis Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji Dan Umrah bagi Tahun 1445H/ 2024M untuk Kali yang Ke 31 ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa ibadat haji itu adalah merupakan rukun Islam yang kelima yang wajib ke atas setiap orang Islam yang memiliki kemampuan untuk mengerjakannya.

Sebagaimana firman Allah SWT dalam Al-Quran:Surah Ali-Imran [Ayat 97]

".....Dan Allah Subhanahu Wata'ala mewajibkan ke atas manusia mengerjakan ibadat haji ke Baitullah iaitu bagi sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya ."

Begitujuga,

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim, Rasulullah SAW bersabda:

" Islam dibina di atas lima perkara: bersaksi sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad s.a.w adalah pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, dan puasa di bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitullah bagi yang mampu."

- Ibadat Haji itu juga merupakan pengorbanan, berkorban dengan menyediakan wang ringgit yang cukup sehingga mampu menunaikan Ibadat haji dan meninggalkan keluarga semata-mata demi melaksanakan tuntutan Ibadat haji.
- Untuk itu, bagi yang mampu dan berhasrat untuk mengerjakannya mereka hendaklah terlebih dahulu mengetahui dan mempelajari serta memahami ilmu manasik haji agar dapat menunaikan ibadat haji dan umrah itu dengan sempurna dan teratur.

- Maka sehubungan dengan itu, guru-guru pengkursus dan pembimbing-pembimbing ibadat haji dan umrah yang dilantik bertanggungjawab sebagai penyampai dan berperanan penting dalam menyalurkan ilmu dan maklumat tentang manasik haji kepada bakal jema'ah haji hingga menjadikan mereka betul-betul mengetahui dan memahaminya sehingga mereka dapat melaksanakan manasik haji dengan teratur dan sempurna di Tanah Suci nanti.
- Justru itu, disarankan kepada semua guru-guru pengkursus ibadat haji akan mengambil perhatian beberapa perkara yang perlu disampaikan dan disediakan sewaktu kursus nanti, antaranya:
 - Menekankan penghayatan sewaktu berada di bumi 'Arafah dan Mina dengan memberikan maklumat keadaan sebenar dan terkini bumi 'Arafah dan Mina terutama bagi jema'ah yang baru pertama kali menunaikan fardhu haji kerana haji itu 'Arafah sebagaimana Hadith daripada Abdulrahman bin Ya'mur Nabi SAW bersabda: "الحج عرفة" "Haji Adalah Arafah".
 - Memberikan maklumat dan perbandingan mengenai kemudahan penginapan dan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak-pihak berkenaan di 'Arafah dan Mina dengan kemudahan yang ada di Mekah dan Madinah.
 - Menjelaskan dengan sejelasnya kepada bakal jemaah haji bahawa pekerjaan ibadat haji itu adalah susah dilaksanakan kerana ianya memerlukan pengorbanan, ketahanan mental dan fizikal yang kuat, rohani yang mantap serta mempunyai sifat sabar dan akan sentiasa bersedia menghadapi dan mengharungi cabaran apabila timbul masalah yang tidak dijangkakan.

- Mengajarkan doa atau zikir sekurang-kurangnya yang pendek bagi jemaah haji yang tidak mampu membaca dan mengikuti ketika melakukan tawaf dan sa'ie dan;
- Menyeragamkan dan menyelaraskan hukum-hukum permasalahan yang ditimbulkan jemaah.

Hadirin dan hadirat sekelian,

- Saya difahamkan, muzakarah kali-31 ini dimana, selain menjemput tenaga-tenaga pengkursus ibadat haji dan umrah yang dilantik dan penyelia-penyelia-penyelia kursus, Jabatan Urusan Haji juga menjemput dikalangan tenaga-tenaga pengajar sekolah-sekolah ugama dan sekolah-sekolah menengah di bawah tadbiran Jabatan Pengajian Islam yang mengajar dalam (*Bab Haji dan Umrah*), pembimbing-pembimbing saudara baru Pusat Da'wah Islamiah, imam-imam Jabatan Hal Ehwal Masjid serta pembimbing-pembimbing syarikat-syarikat pakej haji dan umrah.
- Saya yakin dan penuh berharap kepada semua peserta muzakarah yang hadir mengikuti muzakarah tersebut akan dapat:
 - Menfa'tkan ilmu yang diperolehi sebagai tambahan dan memantapkan lagi kefahaman ilmu ibadat haji dan umrah yang sedia ada.
 - Mengkongsikan ilmu dan menyampaikan maklumat kepada pelajar-pelajar, bakal jemaah haji dan serta orang awam sesuai dengan peranan masing-masing.
 - Disamping itu juga peserta-peserta yang hadir pada muzakarah ini adalah diperlukan untuk menjadi pelapis guru-guru pengkursus ibadat haji dan umrah dimasa akan datang.
- Untuk akhirnya, sebelum menutup ucapan ini, Saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Pengurus dan Ahli Jawatan Kuasa Majlis kerana telah berkesudian menjemput Saya hadir ke m246ajlis pada petang ini.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ.